

Mengesan rongga akibat dari paip bocor menggunakan kaedah resistiviti pengimejan 2D

¹ABDUL KAHAR EMBI, ²MOHD NAWAWI MOHD NORDIN & ³SUKRI GHAZALI

¹ & ²Universiti Sains Malaysia
11800 Penang, Malaysia

³Astar Geoteknik, Alor Star
Kedah

Paip air bawah tanah yang bocor yang tidak dikesan bukan sahaja menyebabkan kerugian malah jika berlaku kebocoran ia juga boleh menyebabkan pengwujudan rongga yang boleh membahayakan. Tanda-tanda fizikal seperti pancutan air kadangkala tidak kelihatan kerana lapisan tanah telap serta arah kebocoran berada di bawah paip. Teknik pengesanan kaedah resistiviti pengimejan 2D telah digunakan untuk mengesan kedudukan paip bocor. Imej resistiviti 2D jelas menunjukkan kedudukan aliran air daripada paip bocor ke lokasi air keluar. Rongga berair yang terbentuk juga jelas kelihatan dari imej yang dihasilkan.
